

PASUKAN KHAS DITUBUH

Oleh Mahaizura Abd Malik
dan Aizat Sharif
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Satu pasukan petugas khas ditubuhkan serta-merta bagi menjalankan operasi menyelamatkan bersepadu bagi membantu orang ramai menangani masalah banjir kilat yang berlaku di ibu negara.

Jawatankuasa ini membatinkan pelbagai pihak termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Landskap, Alam Flora Sdn Bhd, Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT) dan agensi berkaitan.

Ketua Pengarah DBKL Datuk Mohd Amin Nordin Abdul

“Pasukan khas ini akan membabitkan pelbagai pihak yang berkaitan dengan bencana banjir, malah setakat ini semua pihak menyatakan persetujuan untuk membantu menyelesaikan masalah ini”

Mohd Amin Nordin Abdul Aziz

Aziz berkata, pasukan khas itu ditubuhkan susulan kejadian banjir kilat yang sering berlaku di ibu negara.

“Pasukan khas ini akan membabitkan pelbagai pihak

yang berkaitan dengan bencana banjir, malah setakat ini semua pihak menyatakan persetujuan untuk membantu menyelesaikan masalah ini.

“Pasukan ini berfungsi apabila banjir berlaku dengan melakukan operasi secara bersepadu termasuk membuat tinjauan, menyelamatkan, melancarkan aliran air bertakung di longkang, membersihkan pokok tumbang serta mengawal lalu lintas,” katanya.

Beliau sebelum itu mempergunakan mesyuarat bersama agensi dan jabatan berkaitan bagi membincangkan penyelesaian banjir kilat yang menenggelamkan beberapa tempat di Kuala Lumpur kelmarin.

Mengulas lanjut perkara itu, beliau berkata, punca kejadian itu dikenal pasti disebabkan beberapa faktor termasuk

cuaca, masalah pengaliran longkang serta lambakan projek pembangunan sekitar.

“Jika kita lihat hujan turun dengan jumlah yang melebihi kapasiti biasa ini menyebabkan longkang tidak dapat menampung air hingga menyebabkan limpahan berlaku.

“Pada masa sama, projek pembangunan penyebab kemendapan selain terdapat juga kawasan rendah yang semanganya tidak boleh dielak.

“Justeru, orang ramai harus faham kalau hujan lebat perlu peka dengan lokasi panas sering berlaku banjir sebagai langkah keselamatan dan berjaga-jaga bukan hanya mengharapkan pihak berkuasa bertindak,” katanya mengemukakan Bilik Gerakan Jabatan Penguatkuasaan di Jalan Tun Razak diaktifkan serta merta.

Rugi RM4,000 kereta masuk air

Kuala Lumpur: “Banyak barangan peribadi saya, termasuk komputer riba rosak. Kereta saya juga tidak boleh dihidupkan dan saya terpaksa meminta bantuan kawan serta penjaga ‘parking’ kawasan ini untuk menolak kereta saya ke kawasan lebih tinggi,” kata seorang ahli perniagaan Amin Salleh yang kerugian lebih RM4,000 apabila kereta Perodua Myvi miliknya terperangkap dalam banjir kilat Rabu lalu.

Menurutnya, turut tenggelam ketika kejadian itu kira-kira 50 buah kereta dinaiki air ada yang hingga ke paras bumbung.

Katanya, dia hanya diberitahu selepas kejadian itu bahawa tempat meletak kenderaan itu sudah dua kali mengalami banjir kilat dan lazimnya air akan naik di bahagian landai tempat itu.

Tinjauan Harian Metro di tempat meletak kenderaan berhampiran Bangunan Wisma UOA II di Jalan Perak di sini semalam terdapat beberapa trak penunda sedang mengangkut kereta yang mengalami kerosakan disebabkan dimasuki air ketika kejadian itu.

Kebanyakan kereta sudah pun dialihkan dan dibawa ke bengkel membaiki kereta sejurus banjir surut manakala ada juga pemilik kereta yang



AMIN mengambil barang miliknya sebelum kenderaannya ditunda untuk dibawa ke bengkel.

“Saya sememangnya tidak mengetahui bahawa sebelum ini tempat meletak kenderaan itu sudah dua kali dilanda banjir kilat. Jika saya tahu mengenai hal itu sudah tentu saya tidak akan meletakkan kereta saya di sini,” katanya.

Kereta Amin di bawa ke sebuah bengkel membaiki kenderaan di Bandar Baru Ampang.

Selain Amin, seorang eksekutif sebuah firma kejuruteraan kimia, Aliya Zarei juga mengalami nasib yang sama

apabila kereta Hyundai Matrix miliknya juga rosak dan terpaksa ditunda ke bengkel membaiki kereta.

“Banjir itu berlaku kira-kira pada jam 5 petang. Saya dimaklumkan rakan sekerja banjir di tempat saya meletakkan kereta dan bergegas ke sana dan mendapati keretanya sudah ditenggelami air hingga paras bumbung.

“Saya sangat sedih dengan kejadian berlaku kerana banyak barangan peribadi saya turut rosak dan basah. Malah, kejadian itu berlaku pada hari terakhir saya berada di pejabat ini kerana akan berpindah ke

lokasi pejabat baru di Bangsar,” katanya.

Aliya hanya berkesempatan untuk menunda keretanya semalam kerana mahu memastikan air banjir dalam keretanya itu sudah kering.

Tinjauan Harian Metro di sekitar Jalan Perak berhampiran Wisma Hong Leong turut mendapati laluan itu dipenuhi dengan lumpur daripada banjir kilat yang melanda pada Rabu namun tiada premis perniagaan terjejas akibat kejadian itu.

Sementara itu, Pengarah Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Zahari Abdullah berkata keadaan berlaku adalah disifatkan sebagai peralihan daripada Monsun Barat Daya ke Monsun Timur Laut yang bakal melanda pada November nanti.

“Oleh hal demikian, Malaysia dijangka akan mengalami hujan di beberapa tempat sepanjang bulan Oktober terutama pada waktu petang hingga senja. Namun, hujan yang turun hanya pada hari tertentu sahaja dan ini adalah normal kerana setiap tahun fenomena ini pasti akan berlaku,” katanya.

Jurucakap Terowong SMART pula memberitahu bahawa tiada penutupan terowong dilakukan kerana tiada arahan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPSWP) diterima.

Trafik juga dilaporkan terkawal tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.



KEADAAN dalam kereta Amin yang rosak teruk.